

PEMATUHAN SOP PENENTU KEJAYAAN PERANGI COVID-19

Oleh: Rumaisya Munira binti Mat Rahim, 1172558,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 3 Ogos 2020



Pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah antara faktor yang membawa kejayaan kepada Malaysia dalam usaha mengawal penularan wabak COVID-19.

Sedar atau tidak, pematuhan individu terhadap SOP dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) semakin berkurangan.

Ramai yang mengambil kesempatan untuk mengunjungi pusat beli-belah, restoran serta tempat tumpuan ramai atas alasan kerajaan memberi kelonggaran semasa pelaksanaan PKPP.

Walaupun masyarakat tahu tentang SOP yang ditetapkan, mereka seolah-olah tidak mengendalkannya dan mengambil mudah terhadap perkara ini.

Segelintir anggota masyarakat tidak lagi mengamalkan SOP seperti tidak melaksanakan penjarakan sosial yang ditetapkan, tidak memakai pelitup muka, membasuh tangan dengan kerap dan tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Siapa yang harus kita persalahkan apabila kes meningkat secara mendadak? Dalam hal ini, ramai yang menuding jari menyalahkan orang lain sedangkan kita sendiri mungkin menjadi punca terhadap peningkatan tersebut.

Terlalu selesa dengan keadaan yang masih belum bebas sepenuhnya, kelekakan masyarakat dalam mematuhi SOP secara berterusan, berupaya mencetuskan gelombang baharu penularan jangkitan COVID-19, khususnya membabitkan golongan berisiko.

Usaha mengekang penularan wabak COVID-19 tidak terletak pada tangan Kementerian Kesihatan semata-mata, malah masyarakat turut bertanggungjawab dalam mengatasi penularan wabak ini.

Jika kita memandang remeh terhadap pematuhan SOP, tidak mustahil kita akan menghadapi gelombang yang kedua.



Pengorbanan petugas barisan hadapan.

Sekiranya sikap negatif seperti ini berlarutan, COVID-19 berupaya menjejaskan kehidupan rakyat Malaysia dengan lebih buruk lagi.

Memetik kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, usaha dan ikhtiar bukanlah bermaksud kita takut pada virus lebih dari Allah SWT.

Usaha dan ikhtiar adalah berusaha untuk menghindarkan diri daripada virus yang berjangkit dan ia tidak bermaksud kita takut kepada virus itu melebihi takut kepada Allah SWT, sebaliknya ia lebih kepada maksud ingin memelihara diri daripada terkena virus atau sesuatu wabak berkenaan.

Dalam Islam, kita diajar mengambil hukum sebab tanpa menafikan hukum musabib. Ia bermakna hukum sebab perlu diambil kira tetapi musabib yang mencipta penyebab juga perlu diambil kira iaitu Allah tetapi caranya adalah dengan berikhtiar.

Nabi Muhammad SAW mengajar supaya berubat dan mencari penawar sesuatu penyakit. Jadi, usaha seperti kuarantin, menghadkan pergerakan, makan ubat mengikut saranan doktor adalah sebahagian daripada usaha serta ikhtiar sebagai seorang hamba.

Amalkan langkah pencegahan dengan perkara yang asas dan mudah bagi mengelakkan dari dijangkiti COVID-19. Bak kata pepatah, mencegah adalah lebih baik dari merawat.